

Amat Jutrah kekal terajui Kekaumas

UMS um

26/12/12 26

KOTA KINABALU 25 Dis. - Kakitangan Bahagian Pembangunan dan Penye-lenggaraan, Amat Jutrah Musnih mengekalkan ja-watan Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekau-mas) Sesi 2013-2015.

UMS dalam kenyataan akhbar kelmarin, memberi-tahu, keputusan itu dimak-lumkan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa Kali ke-4 2012 kesatuan itu di Dewan Bankuasi UMS, di sini ba-ru-baru ini.

Beliau yang menerajui Kekaumas sejak 1998 mem-peroleh 119 undi, menewas-kan dua lagi calon iaitu Abd. Ghani Amat dan Jumardie Lukman yang kedua-dua-nya mendapat 17 undi.

Kakitangan Jabatan Pendaftar, Abd. Jalil Sapli pula memenangi jawatan Timbalan Presiden selepas menewaskan tiga lagi ca-lon iaitu Jumardie Lukman (44 undi), Mus Mulyadi Matlin (23) dan Abd. Ghani Amat (17).

Abd. Jalil yang turut di-calonkan jawatan Setiausa-ha bagaimanapun ditewas-kan oleh Salmah Terif, ka-kitangan Sekolah Perniaga-an dan Ekonomi (SPE) yang mendapat 88 undi mana-kala Abd. Jalil 60 undi.

Seorang lagi kakitangan SPE, Arnah Sanudin mem-peroleh 132 undi menga-lahkan Rydwam Baharud-zaman bagi jawatan Penolong Setiausaha yang men-dapat 21 undi.

Jawatan Bendahari dan Penolong Bendahari ma-sing-masing dimenangi tanpa bertanding oleh dua kakitangan Jabatan Ben-dahari iaitu Maslan Ali Hussin dan Mohd. Hyai-zrul Mohd. Yassin.

Sementara itu, 11 orang dipilih sebagai Ahli Jawa-tankuasa (AJK) iaitu Binik Majuril dengan 155 undi, Abdul Samat Lawi (143), Da-nan Masleeh (122), Harun Tambiri (116), Zainah Ah-mad (114), Saidin Marjan (103), Nor Hana Nordin (103), Mohd. Faizal Marjus (98) Lassim Jane @ Jani (84), Jumardie Lukman (79) dan Julius Sokodor (76).